

Ruj. Kami : ANM.PK.G/ 600-1/1/2 Jld.4(31)
Tarikh : 8 Februari 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

KAEDAH PEMBAYARAN KEPADA PERSONEL MYSTEP DI BAWAH INISIATIF SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya merujuk kepada Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA.BK(S)256/21/21(6) bertarikh 18 Disember 2020, Minit Mesyuarat Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang bertarikh 27 Januari 2021 dan 4 Februari 2021 adalah berkaitan dengan perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan, kaedah bayaran upah kepada *Personel MySTEP* adalah seperti berikut:

(A) Pembayaran melalui Sistem Gaji Berkomputer

- i. Pembayaran adalah menggunakan *Daily Rated Cycle*. PTJ hendaklah merujuk kepada Jadual Proses Gaji *Daily Rated iGFMAS* Tahun 2021 yang telah diberi sebelum ini.
- ii. Pembayaran hendaklah berdasarkan output yang telah disahkan oleh penyelia. **Amaun upah yang layak dibayar hendaklah dikunci masuk setiap bulan di Infotype 0008 (Basic Pay) dengan mengambilkira pengurangan amaun (jika ada) berdasarkan output yang dicapai setiap bulan.**
- iii. Pengiraan KWSP dan PERKESO akan dikira secara auto oleh sistem.
- iv. Pegawai PSH yang ditukar lantik ke *Personel MyStep*, **PTJ perlu menukar Employee Group (EE) kumpulan C40 kepada B30 di dalam sistem (Tatacara dilampirkan)**
- v. **Pembayaran Upah *Personel MySTEP* ini boleh dikunci masuk ke dalam Sistem HCM mulai gaji bulan Februari 2021.**

(B) Pembayaran melalui Baucar Bayaran Invois Tanpa Pesanan (K2)

- i. PTJ juga dibenarkan untuk menggunakan Arahan Pembayaran Invois Tanpa Pesanan (K2) dan menggunakan kod vendor 6 series jika tidak menggunakan *Daily Rated Cycle*. Arahan pembayaran melibatkan pembayaran upah, KWSP dan PERKESO.
- ii. PTJ dibenarkan menggunakan kod vendor 5 series sedia ada jika kod ini telah diwujudkan di dalam sistem sebelum ini tanpa perlu mewujudkan kod vendor 6 series yang baru.

- iii. Bagi pegawai-pegawai lantikan *Personel MySTEP* yang masih tiada kod diwujudkan di sistem iGFMAS sama ada kod vendor 5 series atau 6 series, PTJ tersebut hendaklah **menghantar Borang Pendaftaran dan Penamatan Pembekal Sistem eVendor** yang lengkap diisi dan disahkan dan dikepulkan bersama salinan kad pengenalan dan akaun bank/penyata bank untuk memastikan kod vendor 6 series ini dapat diwujudkan dengan segera bagi membolehkan pembayaran upah *Personel MyStep* ini dapat dibayar mengikut masa yang ditetapkan. Borang tersebut hendaklah dihantar bersama surat iringan jabatan secara *hardcopy* kepada Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan (UKPP), JANM Perak atau *soft copy* melalui emel ukpp_prk@anm.gov.my
 - iv. PTJ tidak dibenarkan menggunakan kod One Time Vendor – 10009 untuk pembayaran upah *Personel MySTEP* ini.
 - v. PTJ hendaklah memastikan Borang A dan Borang 8A untuk KWSP dan PERKESO dihantar mengikut prosedur yang dikeluarkan oleh KWSP dan PERKESO untuk memastikan tiada bayaran tertunggak atau tidak dikenal pasti bagi kedua-dua agensi ini.
- 3. PTJ hendaklah beruruskan sendiri dengan pihak PERKESO bagi pendaftaran majikan dan pekerja jika masih belum diwujudkan. Setelah selesai membuat pendaftaran dengan PERKESO, mohon mengambil tindakan segera dengan **menghantar Borang Mengujud, Membatal atau Meminda Butir-butir Pusat Pembayaran (SG10) secara *hard copy* ke Unit Gaji, JANM Perak atau *soft copy* melalui emel gaji_prk@anm.gov.my sebelum 16 Februari 2021** untuk memastikan pewujudan nombor majikan Perkeso di Sistem HCM dapat diselesaikan sebelum PTJ kunci masuk bayaran gaji bulan Februari 2021. Borang SG10 hendaklah dihantar bersekali dengan salinan Surat Pendaftaran Nombor Majikan yang diterima dari PERKESO.
- 4. Bersama-sama ini dilampirkan Tatacara Perubahan Kumpulan Pekerja Dan Sub Kumpulan Pekerja (Ee Group & Ee Subgroup), Borang Pendaftaran/Penamatan Penerima Bayaran 1GFMAS dan Borang SG10 untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh tuan/puan.
- 5. Tuan/puan bolehlah menghubungi Unit Gaji, JANM Perak jika terdapat sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**